

**KEMELESETAN EKONOMI DUNIA 1929 – 1933:
KESAN SOSIOEKONOMI DI NEGERI-NEGERI MELAYU
BERSEKUTU**

Oleh

NADARAJA KANNAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah

Mei 2002

FOR MY BELOVED PARENTS

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberi kekuatan minda dan tenaga untuk menyempurnakan kajian ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia utama, iaitu Profesor Madya Dr. Abu Talib Ahmad dan Profesor Madya Dr. Badriyah Haji Salleh yang telah memberi nasihat dan bimbingan ketika menjalankan kajian sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Budi dan jasa mereka akan saya kenang sepanjang hayat. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Radin Fernando yang telah memperkenalkan tajuk kajian ini kepada saya.

Saya juga amat menghargai bantuan profesional dan sokongan yang diberikan oleh beberapa individu dan pihak tertentu. Pensyarah-pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang sentiasa memberi galakan dan sokongan. Begitu juga pustakawan Encik Ramli Abdul Samad dan beberapa orang kakitangan Perpustakaan USM yang banyak membantu saya khususnya Kobal yang membuat fotokopi mikrofilem. Selanjutnya diucapkan terima kasih kepada Dr. Nasaruddin Mohd Aris dari Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) Kuala Lumpur, kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Public Record Office, London. Tidak ketinggalan rakan saya Majib Hussain yang telah membetulkan bahasa, Neen yang sentiasa menyokong usaha saya dan ramai lagi rakan yang telah membantu sama ada secara langsung atau tidak dalam menyempurnakan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada beberapa orang warga tua istimewa yang walaupun uzur tetapi

bersedia meluangkan masa dengan saya untuk berkongsi pengalaman mereka tentang zaman kemelesetan ekonomi.

Akhir sekali kepada ahli keluarga saya, khususnya anak saudara saya Devaraj dan Nalini yang membantu dengan komputer; ipar-ipar saya I. Somasundram yang telah banyak membantu menyusun pelbagai jadual dalam tesis ini dan Dr. R. Varatha Raju yang telah mengaturkan tempat tinggal dan pengangkutan ketika saya menjalankan penyelidikan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Kepada mereka ini diucapkan ribuan terima kasih.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Minden, Pulau Pinang
Mei 2002

KANDUNGAN

	MS
PENGHARGAAN	i
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
DAFTAR SINGKATAN	x
MATAWANG	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii

BAB 1	Pengenalan	1
	Kemelesetan Ekonomi Dunia	7
	Takrif Melayu	16
	Tujuan Kajian	17
	Tinjauan Kajian	18
	Ulasan Sumber	28

BAB 2	PERKEMBANGAN EKONOMI EKSPORT NMB	33
	Industri Timah	37
	Pertanian Komersial	44
	Industri Getah	46
	Penglibatan Pekebun Kecil Melayu Dalam Penanaman Getah	54
	Kemerosotan Harga Getah Dan Rancangan Pembatasan Getah Stevenson	61
	Perubahan Demografi NMB	65
	Kedudukan Ekonomi NMB Di Ambang Kemelesetan	72
 BAB 3	 KESAN KEMELESETAN EKONOMI KE ATAS MASYARAKAT LUAR BANDAR	 76
	Kesan Kemelesetan Ke Atas Industri Eksport NMB	78
	Kerajaan NMB Menangani Kemelesetan	80
	Sekatan Timah Antarabangsa Dan Perjanjian Sekatan Getah Antarabangsa	82
	Sekatan Ke Atas Kemasukan Buruh Imigran	84
	Usaha Meningkatkan Penanaman Padi	86
	Jawatankuasa Bantuan Pengangguran Dan Kerja Pembinaan Sementara	88
	Pembuangan Kerja, Pengangguran dan Repatriasi Dalam Industri Getah	91
	Penghantaran Pulang Buruh India	93
	Pengangguran Di Sektor Kebun Kecil	100

Pembuangan Kerja, Pengangguran Dan Repatriasi Dalam Industri Timah	102
Kemerosotan Pendapatan Buruh Estet, Pekebun Kecil, Pengurus Ladang Dan Buruh Lombong	105
Masalah Beban Hutang	120
Masyarakat Luar Bandar NMB Menghadapai Kemelesetan	131
 BAB 4	
KEMELESETAN DAN KESANNYA KE ATAS JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN DAN EKONOMI BANDAR	166
 Kemelesetan Dan Kesannya Ke Atas Ekonomi Bandar	168
Kesannya Ke Atas Sektor Swasta	173
Kos Sarahidup	181
Pemberhentian Kerja Dan Pengangguran Di Sektor Swasta	182
Kesan Kemelesetan Ke Atas Perkhidmatan Awam Kerajaan	186
Kejatuhan Pendapatan Kerajaan Pusat Dan Negeri	186
Kejatuhan Pendapatan Lembaga Kesihatan	191
Suruhanjaya Pemberhentian	192
Penyusunan Semula Jabatan Dan Pemberhentian Kakitangan Kerajaan	200
Cadangan-cadangan Suruhanjaya Pemberhentian	204
Perubahan Dalam Beberapa Jabatan Kerajaan	211
Langkah-langkah Lain Penjirnatn Kos Pentadbiran	225
Masalah Hutang Di Kalangan Penghuni Bandar	231
Tindakbalas Penghuni Bandar Terhadap Kemelesetan	235
Bantuan Kebajikan	242

BAB 5	KEMELESETAN DAN GEJALA-GEJALA SOSIAL	247
--------------	---	------------

Peningkatan Jenayah	248
---------------------	-----

Masalah Pelacuran	259
-------------------	-----

Gejala Membunuh Diri	281
----------------------	-----

Masalah Pengemis	289
------------------	-----

Masalah Kesihatan	293
-------------------	-----

Penjualan / Penyerahan Bayi Cina	298
----------------------------------	-----

Gejala Ketagihan Alkohol	299
--------------------------	-----

Masalah Perhubungan Kaum	302
--------------------------	-----

BAB 6	KESIMPULAN	314
--------------	-------------------	------------

BIBLIOGRAFI	322
--------------------	------------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK JADUAL	MS
2.1	Jumlah Eksport, Harga Purata dan Nilai Eksport Timah NMB, 1925 – 1929	43
2.2	Keluasan Tanah Getah di NMB, 1900 – 1909	47
2.3	Perbandingan Eksport Getah Dengan Jumlah Eksport NMB, 1915 – 1922	52
2.4	Pengeluaran Getah Dunia 1921	53
2.5	Jumlah Eksport, Harga Purata dan Nilai Eksport Getah NMB, 1925 – 1929	64
2.6	Bilangan Orang Melayu, Cina dan India di NMB, 1901 – 1911	68
2.7	Bilangan Orang Melayu, Cina dan India di NMB, 1911 – 1921	69
2.8	Komposisi Penduduk NMB Mengikut Negeri Dan Kaum, 1929	70
2.9	Arah dan Nilai Barangan yang Dieksport Tanah Melayu, 1929	73
3.1	Nilai Eksport Getah, Timah, Kelapa dan Eksport Lain NMB, 1929 – 1933	79
3.2	Eksport, Import, Hasil Cukai dan Perbelanjaan NMB, 1929 – 1934	79
3.3	Bilangan Imigran Bantuan India Ke Tanah Melayu, 1929 – 1934	86
3.4	Bilangan Buruh India di Tanah Melayu, 1929 – 1932	96
3.5	Bilangan Pekerja di Ladang-ladang Getah Kepunyaan Orang Eropah di NNS dan NMB, 1929 – 1933	97
3.6	Bilangan Buruh Lombong di Perak, 1929 – 1933	103

3.7	Gaji Harian Pekerja Ladang Lelaki India, 1929 – 1932	109
3.8	Pengeluaran Getah Dari Kebun Kecil : Anggaran Pulangan Bersih Tahunan Bagi Setiap Ekar	114
3.9	Julat Harga Sepikul Getah Asap di 5 Pusat Penjualan di Negeri Sembilan Pada Bulan Januari dan Jun 1932	115
3.10	Purata Gaji Bulanan Pengurus Ladang Getah Eropah, 1929 – 1933	118
3.11	Kawasan Tanah Padi dan Jumlah Pengeluaran di NMB, 1929 – 1933	149
4.1	Jumlah Import Beberapa Barangan NMB, 1929 – 1932	172
4.2	Bilangan Syarikat Tempatan Baru Yang Di Daftar Dengan Pendaftar Syarikat NMB, 1928 – 1933	178
4.3	Kos Sarahidup Orang Asia dan Eropah, 1930 – 1932	181
4.4	Pekerja Cina Mahir Yang Menganggur Pada Januari 1931	184
4.5	Pekerja Cina Bukan Mahir Yang Menganggur Pada Januari 1931	185
4.6	Pendapatan dan Perbelanjaan NMB, 1925 – 1934	188
4.7	Pendapatan Setiap Komponen NMB, 1929 – 1932	190
4.8	Bilangan Kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah NMB Yang Diberhentikan Kerja	210
4.9	Pendapatan Tahunan Daripada Pengangkutan Penumpang Dan Barangan Jabatan Keretapi	212
4.10	Pemberhentian Kerja di Jabatan Keretapi, 1929 – 1933	213
4.11	Senarai Perbelanjaan Berulang-ulang Jabatan Kerajaan NMB	223
4.12	Bilangan Buruh Yang Bekerja Dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, 1929 – 1932	224

5.1	Jenis-jenis Jenayah di Antara 1928 – 1932	252
5.2	Bilangan Banduan Dalam Penjara, 1928 – 1933	258
5.3	Bilangan Rumah Pelacuran dan Pelacur di NMB Pada 1929 dan 1930	266
5.4	Kemasukan Wanita dan Gadis Ke Rumah Persekutuan Bagi Wanita dan Gadis, 1929 – 1933	278
5.5	Tindakan Mahkamah Di Bawah Enakmen Perlindungan Wanita dan Gadis	278
5.6	Jumlah Kes Penyakit Seksual Yang Di Rawat Di Hospital / Klinik Kerajaan, 1929 – 1933	279
5.7	Bilangan Kes Penyakit Kelamin Yang Dirawat Mengikut Kaum	280
5.8	Bilangan Kes Membunuh Diri Buruh India di NMB, 1929 – 1933	282
5.9	Bilangan Kes Membunuh Diri Buruh Ladang Mengikut Jantina, 1929 – 1933	283
5.10	Bilangan Kes Radang Paru-paru dan Batuk Kering Yang Dimasukkan Ke Hospital, 1930 – 1933	295

DAFTAR SINGKATAN

AR	-	Annual Report
CO	-	Colonial Office
FMS	-	Federated Malay States
ISP	-	Incorporated Society of Planters
JMBRAS	-	Journal of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society
MCS	-	Malayan Civil Service
MRCA	-	Monthly Report of Chinese Affairs
NMB	-	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NMTB	-	Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu
NNS	-	Negeri-negeri Selat
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PAM	-	Planters' Association of Malaya
RGa	-	Rubber Growers' Association
RRIM	-	Rubber Research Institute of Malaysia
SSF	-	Selangor Secretariat File
TOL	-	Temporary Occupation Licence
TSM	-	Tanah Simpanan Melayu

MATAWANG

Semua nilai barangan yang disebutkan dalam tesis ini ialah dalam Ringgit Selat (Straits Dollars) kecuali di mana ia dinyatakan secara khusus.

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji kesan sosioekonomi kemelesetan ekonomi dunia 1929-1933 ke atas Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NMB). Kajian ini merupakan satu percubaan untuk menunjukkan bagaimana ekonomi NMB yang berasaskan industri timah dan getah diintegrasikan ke dalam ekonomi antarabangsa oleh penjajah Inggeris turut menjadi mangsa kemelesetan ekonomi dunia yang meninggalkan banyak kesan negatif yang serius ke atas penduduknya.

Kajian ini tertumpu kepada beberapa kesan segera kemelesetan seperti kejatuhan mendadak harga getah dan timah ke atas penduduk luar bandar yang terdiri daripada petani dan pekebun kecil Melayu serta golongan besar imigran India dan Cina yang banyak bergantung kepada kedua-dua industri eksport ini untuk menyara hidup. Tumpuan juga diberi kepada kesan ke atas aktiviti ekonomi bandar, perkhidmatan awam kerajaan dan penduduk bandar serta pelbagai masalah berkaitan seperti pengangguran, repatriasi buruh asing, kejatuhan pendapatan, masalah beban hutang dan kesusahan yang lain. Peningkatan beberapa gejala sosial seperti jenayah, pelacuran, bunuh diri, masalah kesihatan dan lain-lain termasuk masalah hubungan kaum yang semakin tegang pada zaman kemelesetan turut dikaji. Di samping kesan negatif, tesis ini juga membincangkan aspek-aspek positif kemelesetan seperti usaha kerajaan mahupun penduduk untuk meningkatkan pengeluaran padi serta bahan-bahan makanan yang lain supaya kurang bergantung kepada barang-barang import. Akhirnya ia juga turut mengkaji tindakan kerajaan untuk menangani kemelesetan dan peranan organisasi sosial untuk membantu mangsa kemelesetan serta bagaimana mereka yang dilanda kemelesetan cuba menghadapinya.

ABSTRACT

THE WORLD ECONOMIC DEPRESSION, 1929-1933: ITS SOCIOECONOMIC IMPACT ON THE FEDERATED MALAY STATES

This thesis examines some of the socioeconomic effects of the 1929-1933 world economic depression on the Federated Malay States (FMS). An attempt is made here to show how the FMS economy based essentially on the rubber and tin industries and which had become integrated with the world economy under British colonial rule became a victim of the world economic depression with serious negative effects on its population.

This research focuses on some of the immediate effects of the depression such as the sudden fall in the price of rubber and tin and its effects on the rural people comprising Malay peasants and smallholders and large numbers of Indian and Chinese immigrants who had become dependent on the export economy for their livelihood; its effects on the urban economic activities, the government services and on the urban population. Attention is also given to various related problems like unemployment, repatriation of immigrant labour, drastic fall in earnings, indebtedness and other difficulties. The increase in various social problems like crime, prostitution, suicide, health including problems related to race relations which became tense during the depression years is also examined. Besides the negative effects the thesis also discusses the positive aspects of the depression such as efforts by the government and the people to increase rice production and other food crops and be less dependent on imported goods. Finally, the study also looks into the action taken by the FMS government to contain the depression, the role played by some social organizations in helping the unfortunate and how those affected responded to the depression.

BAB 1

PENGENALAN

ISU KAJIAN

Walaupun kesan kemelesetan ekonomi dunia ke atas Tanah Melayu merupakan satu perkara yang penting ianya kurang mendapat perhatian ahli-ahli sejarah¹ khususnya sarjana tempatan. Apa yang ada setakat ini hanyalah beberapa kajian ringkas yang umum dan masih belum ada kajian mendalam tentang kesannya dari segi ekonomi mahupun sosial. Kemelesetan 1930-an merupakan satu aspek sejarah yang menarik untuk dikaji kerana ianya telah meninggalkan kesan yang besar terhadap aktiviti ekonomi dan sosial di Tanah Melayu yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa. Walaupun Tanah Melayu sudahpun terdedah kepada pasaran antarabangsa sejak 1870-an, dan pernah pula mengalami pasang surut aktiviti ekonomi, kemelesetan yang meletus pada akhir 1929 dan berterusan sehingga awal 1930-an berbeza kerana peristiwa ini telah mengakibatkan tekanan-tekanan baru ke atas pertumbuhan ekonomi serta keadaan sosial dalam sebuah masyarakat majmuk yang tidak pernah berlaku sebelumnya sama ada dari segi skop mahupun bentuk.²

Kemelesetan ekonomi 1929 - 1933 hampir memusnahkan ekonomi Tanah Melayu yang bertumpu sebahagian besarnya kepada pengeksporan getah dan timah untuk pasaran antarabangsa sehingga menyebabkan nilai jumlah eksport merosot ke paras terendah dalam sejarah. Nilai jumlah eksport barangan Negeri-negeri Melayu

¹ Khoo Kay Kim, "The Great Depression: The Malaysian Context", dalam Khoo Kay Kim (penyunting). (1977) *The History of South-East, South and East Asia*, Kuala Lumpur. Oxford University Press, ms.78

² Lee Kam Hing, "A Socio-Economic History of Perak 1920 - 1939" dalam Lee Poh Ping dan Lee Kam Hing (1978) *Some Socio-economic Aspects of Perak Society, Malaysia*, Tokyo, Institute of Developing Economies. ms.1

Bersekutu (NMB)³ merosot dari \$349 juta pada 1929 kepada hanya \$88 juta pada 1932⁴ iaitu kejatuhan sebanyak 74.8%. Krisis ekonomi ini juga turut menjejaskan sektor-sektor ekonomi yang lain seperti perniagaan dan perdagangan di bandar-bandar utama yang mengalami kemerosotan ke paras yang terendah. Pada 1932, tahun yang paling teruk dilanda kemelesetan, aktiviti bisnes di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Ipoh dilaporkan merosot sebanyak 60% berbanding 1929.⁵ Turut terjejas ialah pekebun kecil dan petani yang mengalami kemerosotan mendadak dari segi pendapatan. Umpamanya, anggaran pulangan bagi satu ekar tanah getah pekebun kecil jatuh daripada \$142 pada 1929 kepada \$19 pada 1932⁶ iaitu kejatuhan sebanyak 86.6%. Pengangguran besar-besaran dalam industri getah dan timah serta di sektor awam turut menjejaskan kehidupan kelompok buruh serta kakitangan kerajaan yang amat bergantung kepada upah dan gaji untuk kehidupan. Beribu-ribu buruh imigran dari kalangan kaum India dan Cina yang kehilangan pekerjaan dihantar pulang ke negara asal. Hampir setiap kelompok sosial – pemodal Barat, usahawan, kakitangan kerajaan, petani, buruh serta mereka yang terlibat dalam sektor-sektor ekonomi yang lain turut dijejaskan oleh kemelesetan ini.

Pun begitu adalah amat sukar untuk menentukan sejauhmana setiap kumpulan ini dijejaskan kerana kekurangan data yang berkaitan. Tidak dinafikan terdapat kumpulan yang mengalami kesan yang begitu parah sementara kelompok yang lain pula mengalami kesan yang agak kecil. Dalam setiap kumpulan sosial pula impaknya dirasai berbeda-beda oleh setiap anggotanya. Apa yang jelas, kemelesetan ekonomi

³ Selepas ini akronim NMB akan digunakan untuk merujuk kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

⁴ Nilai jumlah eksport getah merosot daripada \$202 juta pada 1929 kepada \$37 juta pada 1932 dan timah daripada \$117 juta kepada \$31 juta diantara tempoh yang sama. Sila lihat Lim Teck Ghee (1977) *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur, Oxford University Press. ms. 216

⁵ *FMS, Department of Trade and Commerce, Annual Report, 1932* ms.6

⁶ P.T.Bauer (1947) *The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly*, London, Longmans, Green and Company. ms. 61

dunia 1929-1933 turut menjejaskan semua rakyat Tanah Melayu tetapi dengan tahap yang berbeda-beda. Pertumbuhan ekonomi yang negatif berikutnya turut menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi seperti kegelisahan buruh akibat kehilangan pekerjaan, masalah hubungan kaum apabila orang Melayu semakin merasakan kedudukan mereka digugat oleh gojongan imigran, dan terhakisnya keyakinan penduduk Tanah Melayu terhadap kerajaan kolonial British.⁷ Penduduk Tanah Melayu mendapati mereka terperangkap dalam satu krisis ekonomi yang luar biasa serta penuh kesukaran. Sewajarnya mereka amat mengharapkan tindakan positif pentadbiran kolonial bagi menangani masalah ini.

Kesan kemelesetan ekonomi 1929-33 amat ketara jika dilihat dari sudut masyarakat Tanah Melayu yang bersifat majmuk. Selain menghancurkan kehidupan petani Melayu serta kelompok imigran yang telah berhijrah ke Tanah Melayu, zaman kemelesetan juga memperlihatkan peningkatan mendadak pelbagai masalah sosial seperti jenayah, pelacuran, kes-kes membunuh diri, masalah kesihatan umum dan ketagihan alkohol. Ringkasnya bagi masyarakat Tanah Melayu kemelesetan ekonomi 1929-33 ini merupakan satu tempoh yang tidak menentu serta penuh dengan pengalaman pahit barangkali tidak jauh berbeda dengan zaman pendudukan Jepun (1942 – 1945) yang diingati sebagai ‘zaman ubi kayu.’ Jika pada zaman pendudukan Jepun masyarakat Tanah Melayu terpaksa makan ubi kayu kerana keadaan perang yang menyebabkan kekurangan bahan makanan, pada zaman kemelesetan ekonomi dunia pula mereka terpaksa berbuat demikian akibat keruntuhan sistem ekonomi eksport yang menyebabkan krisis kewangan serta pengangguran beramai-ramai. Sama seperti zaman Jepun, zaman kemelesetan ekonomi 1929-33 merupakan satu tempoh

⁷ Khoo Kay Kim, *op. cit.*, ms 78

yang penuh dengan penderitaan.⁸ Namun tidak banyak yang diketahui tentang perkara ini kerana ianya telah dibayangi oleh peristiwa pendudukan Tanah Melayu oleh Jepun sehingga lebih banyak perhatian di beri oleh pengkaji kepada zaman pendudukan Jepun.

Berbalik kepada kesan kemelesetan ekonomi 1929-1933, campur tangan kerajaan dalam bentuk repatriasi buruh yang sudah kehilangan pekerjaan, kewujudan kerja bantuan sebagai kerja sementara serta pemberian tanah bagi meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan sedikit sebanyak telah meringankan penderitaan golongan buruh yang terjejas teruk. Namun bantuan-bantuan ini amat terhad, dan ramai lagi buruh yang terus menderita. Mereka terpaksa bertindak sendirian di dalam menghadapi krisis ekonomi yang amat mencabar ini.

Pun begitu kesan-kesan kemelesetan ekonomi ini tidak seharusnya dilihat secara negatif semata-mata. Tidak dinafikan krisis ini menandakan satu titik perubahan dalam dasar ekonomi kolonial di Tanah Melayu yang sebelumnya terlalu berorientasikan pasaran eksport dan terlalu bergantung kepada dunia luar untuk barangan import termasuk bahan-bahan makanan. Semasa krisis ini melanda, kerajaan kolonial mula memberi perhatian serius untuk mengembangkan industri-industri tempatan yang ketika itu berada di tahap rendah di samping mengurangkan pergantungan yang keterlaluan ke atas negara luar untuk barang-barang keperluan. Buat kali pertamanya usaha yang bersungguh-sungguh dibuat untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan khususnya beras.⁹ Secara amnya terdapat satu kesedaran baru di kalangan masyarakat Tanah Melayu terhadap masa depan mereka

⁸ Kajian ini bukan satu kajian perbandingan keadaan masyarakat Tanah Melayu pada zaman kemelesetan dengan zaman pendudukan Jepun. Penderitaan masyarakat untuk mendapat makanan pada zaman Jepun digunakan sebagai analogi kerana ada banyak tulisan mengenai peristiwa tersebut dan ianya masih segar dalam ingatan ramai warga tua di Tanah Melayu.

di sini dan kesedaran ini semakin berkembang di zaman pendudukan Jepun. Amat menakjubkan peristiwa seperti kemelesetan ekonomi ini yang telah meninggalkan kesan yang penting ke atas Tanah Melayu tidak pernah dikaji secara mendalam.

Dalam sejarah ekonomi, pasang surut pertumbuhan ekonomi, sama ada di negara kapitalis mahupun sosialis merupakan satu perkara biasa. Pola turun naik ini merupakan sebahagian daripada pusingan perdagangan antarabangsa yang ditentukan oleh faktor-faktor permintaan dan bekalan. Dalam keadaan biasa, peningkatan aktiviti ekonomi akan menawarkan peluang-peluang pertumbuhan yang banyak dan masyarakat secara umumnya dapat menikmati kemajuan dan kemakmuran. Sebaliknya kemerosotan ekonomi merencatkan pengeluaran serta menyebabkan kerugian kepada pelaburan serta menimbulkan pelbagai masalah ekonomi dan sosial. Dengan itu muncullah istilah-istilah ekonomi seperti kegawatan, resessi, kemerosotan dan kemelesetan yang merujuk kepada keadaan ketidakstabilan ekonomi ataupun pertumbuhan ekonomi yang negatif. Kemelesetan¹⁰ biasanya merujuk kepada keadaan kemerosotan ekonomi yang parah yang berlarutan untuk tempoh yang panjang sehingga boleh memberi kesan serius ke atas pelbagai pihak seperti pelabur, syarikat, saudagar, pemerintah terutamanya rakyat biasa seperti buruh dan petani. Kumpulan seperti buruh dan petani yang lazimnya tidak memahami selok-belok sistem ekonomi antarabangsa kerap menjadi mangsa sebenar setiap kali ekonomi dunia mengalami kemerosotan.¹¹ Kemerosotan ekonomi merupakan satu putaran yang berulang dari

⁹ Ding Eing Tan Soo Hai (1963) *The Rice Industry in Malaya 1920-40*, Singapore, Malaya Publishing House Ltd., ms. 24. Menurut Ding berlakunya perubahan dalam dasar kerajaan kepada peningkatan pengeluaran padi adalah kerana krisis kewangan akibat kemelesetan ekonomi.

¹⁰ Kemelesetan ekonomi ditakrif sebagai "a period of low business and industrial inactivity accompanied by a rise in unemployment". Lihat Mairi Robinson (1966), *Chambers 21st Century Dictionary*, Cambridge University Press, ms. 359. Istilah 'Kemelesetan Ekonomi' biasanya merujuk kepada tempoh masa kemelesetan ekonomi dunia di antara 1929-1933.

¹¹ R.H. Tawney dalam *Land and Labour in China* telah menghuraikan keadaan petani Cina pada tahun 1931 sebagai "the position of the rural population is that of a man standing permanently up to the neck in water, so that even a ripple is sufficient to drown him." Dipetik daripada James C. Scott (1976) *The Moral Economy of the Peasant: Rebellion and Subsistence in Southeast Asia*, New Haven and London,

masa ke semasa mengikut keadaan ekonomi dan politik dunia. Di Amerika Syarikat umpamanya ahli ekonomi telah mencatatkan 22 putaran ekonomi di antara 1854 – 1938¹² dengan pertumbuhan ekonomi negatif disebabkan oleh pelbagai faktor seperti pengeluaran berlebihan, kejatuhan permintaan, perubahan teknologi dan sebagainya. Seringkali juga putaran ini memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia seperti yang berlaku di Asia Tenggara pada 1890an dan awal 1920an.

Sejak pertengahan abad ke-19, pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu, pernah mengalami pasang surut yakni fasa-fasa peningkatan dan kemerosotan yang silih berganti. Sebagai sebuah tanah jajahan British dan pengeluar utama komoditi seperti getah dan timah, kestabilan ekonomi Tanah Melayu banyak ditentukan oleh turun naik harga kedua-dua komoditi ini di pasaran antarabangsa yang berkait juga dengan “*the economic cycles of the industrial West.*” Sejak 1870-an dan sehingga awal abad ke-20, permintaan utama negara-negara Barat bertumpu kepada timah dan kemudiannya getah. Akibatnya lebih banyak lombong dan ladang getah telah dibuka. Permintaan ke atas buruh juga bertambah sementara aktiviti perniagaan dan perdagangan juga meningkat dengan pesatnya. Bandar-bandar baru pula turut muncul sementara prasarana seperti jalan raya turut di bina¹³ bagi membangunkan ekonomi eksport ini. Fasa peningkatan ekonomi turut menyaksikan perubahan dalam aktiviti ekonomi, pertumbuhan dan perkembangan yang pesat,

Yale University Press. ms. 1. Walaupun merujuk kepada petani di negeri Cina, secara umum keadaan petani di negara-negara Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu adalah hampir sama pada zaman kemelesetan ekonomi.

¹² Lihat Robert J. Samuelson, “Recovery or Recession?” dalam *Newsweek*, 7 October 2002 ms. 48

¹³ Untuk perbincangan terperinci tentang perkembangan awal industri timah, getah dan prasarana di Tanah Melayu, sila lihat Wong Lin Ken (1965) *The Malayan Tin Industry to 1914* The University of Arizona Press, Tucson; Yip Yat Hoong (1969) *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya* University of Malaya Press, Kuala Lumpur; J.H. Drabble (1973) *Rubber in Malaya 1876-1922*. Kuala Lumpur, Oxford University Press; Lim Chong-Yah (1969), *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur, Oxford University Press; James C. Jackson (1968) *Planters And Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press; R.N. Jackson (1961) *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920, A Historical Monograph*, Kuala Lumpur, The Government Press. Amarjit Kaur, “Railways, Roads and

perubahan demografi dan peluang pekerjaan yang semakin meningkat. Pendeknya kemakmuran yang berlaku dinikmati oleh berbagai lapisan masyarakat walaupun tidak dinafikan masih terdapat golongan yang terus terpinggir oleh arus perdana ekonomi seperti petani Melayu. Sebaliknya fasa kemerosotan membawa kesan negatif. Umpamanya, kemerosotan ekonomi dunia di antara 1896-1899 dan 1921-1922¹⁴ telah menyebabkan Tanah Melayu turut mengalami kekurangan pendapatan ekoran daripada kejatuhan ekonomi eksport dan meningkatnya gejala pengangguran di kalangan golongan buruh.

Walaupun fasa-fasa peningkatan ekonomi menawarkan lebih banyak peluang untuk pertumbuhan ekonomi peluang-peluang ini tidak semestinya cuma wujud dalam masa peningkatan ekonomi semata-mata. Kadang-kala krisis ekonomi boleh juga menawarkan peluang-peluang baru kepada sesetengah orang. Ini berlaku apabila mereka yang terjejas bertukar kerja, mempelajari kemahiran baru, menceburi bidang baru, berhijrah ke tempat lain dan sebagainya. Mereka yang bijak dan berani mengambil risiko akan merebut peluang baru yang muncul semasa kemelesetan ekonomi untuk membina semula kehidupan mereka. Walau bagaimanapun peluang-peluang baru seperti ini pastinya amat terhad dan bilangan mereka yang benar-benar merebut peluang-peluang ini sudah tentu amat sedikit.

Kemelesetan Ekonomi Dunia

Kemelesetan ekonomi dunia yang bermula pada 1929 merupakan satu fenomena global yang melanda Amerika Syarikat, Eropah, Afrika, dan Asia. Kini

Communications: Their Contribution to Assymetrical Economic Development in Malaya 1870's - 1940". Tesis Ph.D. Columbia University, New York 1978

¹⁴ Kemerosotan ekonomi yang telah berlaku pada 1921-1922 juga telah memperlihatkan gangguan kepada sektor perburuhan, pengangguran dan penghantaran pulang beribu-ribu buruh ladang getah bangsa India ke negara asal. Bagaimanapun kemerosotan ini tidak berpanjangan dan ekonomi telah pulih dengan cepat.

ianya dianggap sebagai kemelesetan ekonomi yang paling buruk abad 20.¹⁵ Menurut Arthur Lewis, seorang sarjana ekonomi terkemuka, kemelesetan yang bermula pada 1929 ini bukan merupakan satu resesi yang kecil seperti sebelumnya tetapi merupakan satu kemelesetan yang paling buruk dalam sejarah dunia moden yang dicirikan oleh satu tempoh yang panjang serta kemelesetan yang dahsyat.¹⁶ Di anggarkan terdapat sekitar 30 juta orang pekerja yang menganggur di seluruh dunia dan separuh daripadanya dari kalangan rakyat Amerika Syarikat.¹⁷ Kemelesetan ekonomi yang bermula di Amerika Syarikat ini dengan cepat telah merebak ke seluruh dunia dan meninggalkan kesan mendalam ke atas ekonomi serta kebajikan masyarakat setempat termasuk Tanah Melayu.

Di Amerika Syarikat kemelesetan ekonomi bermula apabila harga komoditi di bursa saham Wall Street, New York merudum pada Oktober 1929. Sebelum itu telahpun terdapat petanda jelas ketidakstabilan dalam ekonomi Amerika Syarikat.¹⁸ Pada penghujung 1920-an ahli-ahli ekonomi dan perniagaan di negara tersebut telahpun nampak berbagai petanda awal akan berlakunya masalah kewangan tetapi mereka tidak menyangka Amerika Syarikat akan dilanda kemelesetan yang begitu dahsyat. Pada mulanya rakyat Amerika memandang ringan kemelesetan ini; bagi mereka ianya merupakan satu lagi kejadian biasa dalam proses pasang surut aktiviti ekonomi. Bahkan ramai daripada mereka beranggapan ekonomi Amerika akan pulih dalam tempoh yang singkat. Anggapan sebegini terbukti meleset kerana kemelesetan 1929-33 bukan satu '*cyclical down-turn*' biasa tetapi kemelesetan yang paling parah yang pernah dialami Amerika Syarikat. Lebih penting lagi, kesan kemelesetan ini kemudiannya merebak dengan cepat dan turut melanda sekurang-kurangnya 48 buah

¹⁵ *The New Encyclopaedia Britannica*, 15th edition. Chicago: Encyclopaedia Britannica Inc., 1987, vol. 4, ms.21

¹⁶ Arthur Lewis (1970) *Economic Survey 1919-1939*, London George Allen and Unwin Ltd., ms.52

¹⁷ Ibid.

negara lain.¹⁹ Hal sebegini pasti berlaku kerana ekonomi negara-negara ini mempunyai hubungan erat dengan ekonomi Amerika Syarikat melalui perdagangan langsung atau tidak langsung menyebabkan apa yang berlaku di Amerika Syarikat dengan cepat bertukar kepada satu gejala global.

Salah satu sebab begitu banyak negara turut terperangkap dalam kemelesetan ini ialah kebergantungan mereka kepada ekonomi Amerika Syarikat yang merupakan pengimport utama barangan pertanian dan bahan-bahan mentah lain. Amerika Syarikat, pada masa yang sama juga menjadi tulang belakang kemakmuran negara-negara Eropah yang sudah maju. Selepas perang dunia pertama khususnya Amerika Syarikat telah muncul sebagai negara yang paling kuat dari segi ekonomi dan berjaya membentuk satu hubungan dagang istimewa dengan negara-negara kapitalis lain.²⁰ Di antara 1925-1929 kedudukan Amerika Syarikat dalam perdagangan antarabangsa terus dikekalkan melalui pelaburan asing yang tinggi khususnya dalam pengeluaran komoditi utama. Hasil daripada hubungan dagang ini membolehkan negara-negara lain menikmati kemakmuran ekonomi sejajar dengan peningkatan ekonomi Amerika Syarikat. Di samping itu bantuan Amerika Syarikat kepada negara-negara lain turut menyumbang kepada kemakmuran dunia pada 1920-an. Pada 1929 umpamanya, Amerika Syarikat telah menyumbangkan kepada negara-negara lain sebanyak US\$7,400 juta²¹ melalui pinjaman, pembayaran untuk barang-barang import dan pelaburan secara langsung. Jumlah ini telah surut kepada hanya US\$2,400 juta pada 1932 iaitu kejatuhan sebanyak 68% berbanding dengan 1929 kerana Amerika Syarikat mengalami krisis kewangan. Langkah ini turut menjejaskan ekonomi negara-negara

¹⁸ Ibid.ms. 52-53

¹⁹ *The Straits Echo*, 5 May 1931

²⁰ Lewis, op. cit., Bab.2 dan 3.

²¹ Lewis, op. cit., ms.57

yang terbabit²² seperti Jerman, salah sebuah negara yang banyak meminjam dari Amerika Syarikat dan di antara negara yang paling teruk terjejas oleh kemelesetan dunia.²³ Ringkasnya sebarang gangguan kepada ekonomi Amerika Syarikat turut memberi kesan kepada kestabilan ekonomi negara-negara lain yang bergantung kepadanya sama ada dari segi pelaburan mahupun perdagangan. Pada penghujung 1929, ekonomi Amerika Syarikat mula mengalami kemelesetan dan kesannya sudah mula dirasakan oleh rakan-rakan dagangnya termasuk Tanah Melayu. Pun begitu tidak dinafikan terdapat faktor-faktor dalaman di negara-negara berkenaan yang turut menyumbang kepada krisis ekonomi dunia ini.

Amerika Syarikat merupakan negara yang paling teruk terjejas akibat kemelesetan ekonomi 1929-33. Pada 1933 apabila Franklin Roosevelt dilantik sebagai Presiden Amerika Syarikat, purata pendapatan rakyat Amerika menurun ke paras separuh daripada pendapatan purata untuk 1929, terdapat hampir 90,000 firma mengalami kemerosotan teruk sementara sistem perbankan pula hampir lumpuh dengan 15 juta rakyat Amerika menganggur.²⁴ Para pengkaji kini berpendapat kemelesetan di Amerika Syarikat disebabkan oleh kombinasi beberapa faktor lain termasuk kejatuhan dalam industri pembinaan, inflasi kredit, kejatuhan dalam kuasa beli, peluang-peluang pelaburan yang berkurangan, dasar gaji,²⁵ keruntuhan sistem perbankan, kadar hutang yang tinggi dan terutamanya spekulasi keterlaluan di pasaran saham²⁶ sehingga kesemua ini membawa kepada kemelesetan ekonomi.

Apakah faktor utama yang menjadikan kemelesetan 1929-33 itu satu fenomena global? Pelbagai teori telah dikemukakan oleh para sarjana, seperti

²² Ibid.

²³ Ibid.

²⁴ "The Great Depression". *Encyclopaedia Britannica* (1978) Jilid 6 London, William Benton Publisher ms.244.

²⁵ Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan beranggapan bahawa gaji pekerja harus dikekalkan untuk memastikan kuasa pembeli mereka.

kejatuhan harga komoditi utama di pasaran antarabangsa, pengeluaran yang berlebihan komoditi tertentu, struktur ekonomi beberapa buah negara yang hanya bertumpu kepada 1 hingga 3 komoditi eksport serta pergantungan yang keterlaluan ke atas ekonomi Amerika Syarikat untuk pasaran dan pelaburan. Arthur Lewis berpendapat sebab utama kemelesetan ialah kejatuhan mendadak harga komoditi pertanian serta bahan-bahan mentah yang lain di pasaran antarabangsa.²⁷ Di antara 1929-30 purata harga gandum merosot sebanyak 19%, kapas pula 27%, bulu kambing 46%, kain sutera 30%, getah 42%, gula 20%, kopi 43%, tembaga 26% dan timah pula 29%.²⁸ Kejatuhan harga-harga ini menyebabkan para pelabur mula berhati-hati malah mereka enggan membuat sebarang pelaburan baru. Ini juga menyebabkan negara-negara pengeluar bahan-bahan eksport mengalami kejatuhan dalam pendapatan.

Bagi kebanyakan pengeluar komoditi utama keruntuhan harga komoditi semasa kemelesetan berpunca daripada pelaburan yang berlebihan khususnya selepas 1925 yang akhirnya membawa kepada lebih pengeluaran²⁹ pada awal 1930-an. Oleh kerana dasar *laissez-faire* yang menekankan kuasa pasaran bagi menentukan harga barangan serta kurangnya kawalan ke atas pengeluaran, bekalan barangan sudah melebihi permintaan dunia sehingga menyebabkan kejatuhan harga yang mendadak.

Di antara 1921 hingga 1929 terdapat pengeluaran bijih timah yang berlebihan oleh negara-negara pengeluar utama³⁰ seperti Tanah Melayu, Hindia Timur Belanda, Bolivia dan Nigeria.³¹ Tambahan pula permintaan untuk logam ini terus lembab sehingga 1930. Pada 1929 pengeluaran timah dunia berjumlah 196,000 tan, iaitu

²⁶ Arthur Lewis, op. cit., ms. 54-55

²⁷ Ibid., ms. 56

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ Yip Yat Hoong, op. cit., ms. 166

³¹ Ibid. Pengeluaran timah di NMB meningkat dari 34,000 tan kepada 67,000 tan iaitu peningkatan 97%; Bolivia dari 29,000 tan kepada 46,000 tan iaitu peningkatan 59%; Hindia Timur Belanda yakni dari sebanyak 25,000 tan kepada 36,000 tan atau peningkatan 44%; Nigeria dari 5,000 tan kepada 11,000 tan iaitu peningkatan 120%; Thailand dari 6,000 tan kepada 10,000 tan yakni peningkatan 67%.

peningkatan sebanyak 69.0% berbanding pengeluaran untuk 1921³² (116,000 tan). Keadaan yang serupa juga dilaporkan untuk getah. Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda yang merupakan dua pengeluar utama getah asli serta pengeluar lain seperti Ceylon, Siam dan Indochina turut mencatatkan pengeluaran yang berlebihan. Pada 1929 pengeluaran getah dunia meningkat sebanyak 32% berbanding 1928, sedangkan penggunaan getah hanya meningkat sebanyak 17.5%.³³ Seperti getah dan timah komoditi lain yang dihasilkan untuk eksport turut mencatat kejatuhan harga di pasaran antarabangsa kerana pengeluaran berlebihan.

Ekonomi Asia Tenggara turut terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia kerana peranannya sebagai pengeluar komoditi utama bagi memperkayakan kuasa-kuasa Eropah yang menjajah. Sejak pertengahan abad ke-19 Asia Tenggara kembali mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat berasaskan pembekalan komoditi pertanian dan bahan-bahan mentah untuk negara industri di Eropah. Untuk membolehkan Eropah mendapat bekalan komoditi yang berterusan usaha telah dipertingkatkan untuk mengembangkan sektor-sektor ekonomi yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi Eropah dengan menggunakan buruh-buruh tempatan dan juga imigran dari luar³⁴ - sama ada dari India, China mahupun Hindia Timur Belanda. Tidak dinafikan pertumbuhan yang rancak berikutnya turut membawa kepada peningkatan kemakmuran tanah jajahan walaupun hal ini tidak semestinya mengubah kehidupan majoriti masyarakat bumiputera kepada keadaan yang lebih baik. Lebih penting lagi tanah jajahan Eropah kini lebih terdedah kepada berbagai kesan turun naik harga komoditi di pasaran antarabangsa. Apabila kemelesetan ekonomi bermula di Amerika Syarikat ianya turut menjejaskan harga komoditi Asia Tenggara di

³² Ibid.

³³ John H. Drabble (1991) *Malayan Rubber: The Interwar Years*. MacMillan Academic and Professional Ltd., London, ms. 18.

pasaran antarabangsa serta mengurangkan pendapatan tanah-tanah jajahan ini. Harga borong gula dari Jawa telah jatuh daripada 13.66 *guilder se quintal* pada 1929 kepada 9.60 *guilder se quintal* pada 1934. Harga beras di Cochinchina pula merosot daripada 7.15 *piastres se quintal* pada 1929 kepada 1.88 *piastres* pada 1934 sementara harga getah di pasaran London merosot daripada 10.25 *pence se paun* pada 1929 kepada 2.3 *pence* pada 1932.³⁵ Dengan kejatuhan harga komoditi ini tanah jajahan yang menghasilkan komoditi-komoditi tertentu terjejas hebat dengan masyarakat setempat mengalami berbagai kesan sosioekonomi termasuk masalah hubungan kaum yang tegang seperti yang melanda Myanmar.³⁶ Tanah Melayu yang mempunyai masyarakat majmuk turut mengalami hubungan kaum yang tegang walaupun tidak pada tahap yang sama seperti Myanmar ataupun berlakunya pemberontakan terhadap pegawai-pegawai tempatan seperti di Vietnam.³⁷

Di NMB pengeluaran getah dan timah yang berlebihan amat ketara sekali. Sebaik tamatnya Sekatan Stevenson pada 1928 jumlah eksport getah meningkat sebanyak 54.0% antara 1928 dan 1929, dengan sebahagian besar peningkatan ini disumbang oleh pekebun kecil.³⁸ Dalam kes bijih timah pula terdapat peningkatan

³⁴ Sila lihat R.N.Jackson (1961) *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920, A Historical Monograph*, Kuala Lumpur, Government Press.

³⁵ Nicholas Tarling (1992) *Cambridge History of South-East Asia*, Jil. 2. Cambridge University Press, ms. 187.

³⁶ Perasaan tidak puashati orang Burma terhadap imigran India dan Cina khususnya golongan chetti India yang lama terpendam tiba-tiba meletup apabila berlaku rusuhan di antara buruh India dan buruh Burma di pelabuhan Rangoon pada 6 Mei 1930. Rusuhan ini kemudiannya merebak ke seluruh kawasan delta dan berlanjutan sehingga 1932. Pada waktu yang sama berlaku kebangkitan Hsaya San dan kebangkitan perasaan nasionalisme yang bersifat anti-India. Rusuhan anti-India juga berlaku pada 1938. Untuk keterangan lanjut lihat Michael Adas (1974) *The Burma Delta: Economic Development and Social Change on an Asian Rice Frontier 1852-1941*, Wisconsin, The University of Wisconsin Press, ms. 185-208.

³⁷ Pemberontakan di Vietnam yang berlaku pada zaman kemelesetan disebabkan oleh kejatuhan harga beras, pengangguran, cukai kepala, beban hutang petani, penindasan petani oleh tuan tanah yang kaya, amalan rasuah di kalangan pegawai kerajaan di peringkat desa dan kebuluran akibat kegagalan tanaman padi. Lihat Samuel Popkin (1979) *The Rational Peasant: The Political Economy of Rural Society in Vietnam*, Berkeley, University of California Press. Bab. 4 dan 5.

³⁸ John Drabble, op. cit., ms. 18

pengeluaran sebanyak 31.3% di antara 1925 dan 1929³⁹ akibat penggunaan meluas kapal korek.⁴⁰ Ringkasnya sebelum kemelesetan bermula telah wujud lebih dalam bekalan getah dan timah di NMB yang berpunca daripada lebih pengeluaran sehingga menyebabkan peningkatan mendadak jumlah stok dalam simpanan. Akibatnya harga getah dan timah dari NMB yang telah pun menurun sejak 1927 tiba-tiba merudum. Dengan itu pada penghujung 1929 bekalan yang berlebihan serta ditambah dengan kejatuhan permintaan dan kejatuhan harga yang begitu pesat menjadikan industri getah dan timah sudah tidak stabil.

Struktur ekonomi Tanah Melayu yang berorientasikan eksport beberapa komoditi utama turut memberi kesan mengheret tanah jajahan ini ke kancah kemelesetan dunia. Sebahagian besar bijih timah dan getah dari Tanah Melayu dieksport ke Amerika Syarikat yang merupakan rakan niaga utama bagi Tanah Melayu. Pada 1929 dari jumlah komoditi yang dieksport Tanah Melayu, 57.2% adalah ke Amerika Syarikat⁴¹ sementara bakinya dieksport ke England, Eropah dan negara-negara Asia seperti India dan Jepun. Dengan pasaran yang terhad serta kebergantungan yang keterlaluan kepada Amerika Syarikat, ekonomi Tanah Melayu diikat kemas dengan ekonomi Amerika Syarikat dan Wall Street sehingga apabila berlaku kemelesetan di negara berkenaan, ianya turut memberi kesan kepada ekonomi Tanah Melayu. Dengan merosotnya eksport getah dan timah pendapatan Tanah Melayu turut merosot sehingga ini menjejaskan kebajikan penduduk. Ringkasnya keadaan kemelesetan di Tanah Melayu berpunca daripada struktur ekonomi yang terlalu berorientasikan eksport, keadaan bekalan getah dan timah yang melebihi

³⁹ Yip Yat Hoong, op. cit., Appendix 4 ms. 397

⁴⁰ Yip Yat Hoong, op. cit., ms. 162

⁴¹ *Malayan Trade Facts and Figures 1929* issued by The Malayan Information Agency, Malaya House, Charing Cross, S.W.1 ms. 39

permintaan dan kebergantungan yang keterlaluan kepada Amerika Syarikat untuk pasaran komoditi utama.

Kemelesetan di Tanah Melayu yang bermula pada penghujung 1929 dan berlanjutan sehingga 1933 telah memberikan kesan mendalam ke atas masyarakat dan tanah jajahan British ini. Walaupun keadaan ekonomi secara umumnya telah pulih selepas 1933, penduduk Tanah Melayu yang terjejas teruk mengambil masa yang lebih panjang untuk pulih sepenuhnya daripada krisis ini. Dari aspek lain pula ianya turut menanam bibit-bibit masalah perkauman yang mula tegang. Walaupun tidak meletus rusuhan kaum seperti di Myanmar, perasaan anti-imigran memang telah lama wujud di kalangan orang Melayu yang merasa kurang senang dengan kemasukan secara bebas beribu-ribu orang Cina dan India ke Tanah Melayu dan perasaan ini memuncak pada zaman kemelesetan.⁴² Isu perkauman yang bermula di zaman kemelesetan diperhebatkan lagi di zaman pendudukan Jepun. Pada awal 1945 dan 1946 perbalahan kaum meletus seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 kemudiannya.⁴³ Dari masa ke semasa, isu-isu berkaitan tanah, peluang pekerjaan dan kedudukan orang Melayu yang menjadi isu 'hangat' semasa kemelesetan terus dibangkitkan.

Memang lebih mudah bagi ahli ekonomi untuk mengira kerugian kewangan yang dialami oleh syarikat-syarikat, kejatuhan dalam hasil pendapatan mahupun kejatuhan permintaan terhadap sesuatu jenis barangan dan perkhidmatan melalui

⁴² Orang Melayu tidak puashati dengan kemasukan secara bebas beribu-ribu orang India dan Cina ke Tanah Melayu. Di samping monopoli sektor perladangan getah dan perlombongan bijih timah, mereka juga memonopoli jawatan-jawatan seperti kerani, juruteknik dan buruh dalam perkhidmatan kerajaan. Kehilangan tanah orang Melayu kepada golongan chetti, masalah beban hutang di kalangan petani dan tuntutan orang Cina untuk menikmati hak yang sama seperti orang Melayu telah menyebabkan kemarahan orang Melayu. Isu-isu ini menjadi tajuk 'hangat' dalam akhbar-akhbar Melayu seperti *Saudara* dan *Majlis* pada zaman kemelesetan ekonomi. Lihat Abdul Latif Abu Bakar (1984) *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. Bab 3 dan 4.

angka tetapi agak sukar untuk mengukur tahap-tahap masalah sosial yang timbul serta penderitaan yang dialami oleh pelbagai kelas dalam masyarakat setempat akibat kemelesetan ini. Setiap individu mengalami kesan kemelesetan dengan pelbagai cara sementara penderitaan mereka amat sukar digambarkan dengan tepat kerana perkara ini terlalu kompleks dan subjektif. Hanya mereka yang terlibat secara langsung sahaja berkemampuan menceritakan penderitaan yang dialami. Malangnya sumber lisan seperti ini hampir tidak ada lagi.⁴⁴ Satu cara yang boleh dilakukan ialah dengan melihat keadaan ekonomi dan sosial sebelum Tanah Melayu dilanda kemelesetan dan kemudian melihat pula kepada perubahan dalam kehidupan sosial akibat kemelesetan ini serta bagaimana masyarakat setempat dan pemerintah menghadapi kesan-kesan kemelesetan.

Takrif Melayu

Dalam kajian ini orang Melayu ditakrifkan mengikut takrif Perlembagaan Persekutuan, perkara 160 (2) iaitu orang yang menganut agama Islam, yang lazim bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat-istiadat Melayu. Pribumi Hindia Timur Belanda (orang-orang Jawa, Banjar, Minangkabau, Aceh dan lain-lain), orang berketurunan Arab dan India-Pakistan yang telah diasimilasi dengan masyarakat Melayu tempatan turut dikelompok di bawah Melayu kecuali dimana ia dinyatakan secara khusus. Dengan itu istilah Melayu dan bilangan penduduk Melayu mengikut laporan Banci 1931 khususnya, yang dinyatakan dalam kajian ini turut merangkumi

⁴³ Lihat Leon Comber (1983) *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Kuala Lumpur, Heinemann Asia. Lihat juga Wan Hashim Wan Teh (1983) *Race Relations in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

⁴⁴ Dalam menjalankan kajian ini penulis telah berjaya menemubual dengan beberapa orang warga tua dalam lingkungan umur 88 ke atas, walaupun uzur, masih dapat menceritakan pengalaman mereka semasa kemelesetan.

kelompok pribumi dari kepulauan Indonesia⁴⁵ dan orang lain yang telah diasimilasi dengan masyarakat Melayu dan menetap di Tanah Melayu.

Tujuan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian sejarah sosioekonomi Tanah Melayu di zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia (1929-1933) dengan tumpuan kepada negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang (NMB). Lebih khusus lagi kajian ini membincangkan bagaimana kemelesetan ekonomi turut menjejaskan penduduk NMB serta bagaimana pelbagai kaum yang terdapat di sini menghadapi krisis ekonomi paling besar abad ke-20 di samping membincangkan pelbagai masalah sosial yang timbul. Kajian ini lebih bersifat sejarah sosial tentang sebuah masyarakat majmuk dalam situasi kemelesetan ekonomi dan bukan kajian dalam sejarah ekonomi. Namun dalam perbincangan berhubung pertumbuhan ekonomi, data-data ekonomi memang digunakan bagi menunjukkan hubungkait antara perubahan ekonomi yang berlaku dengan masalah-masalah sosial yang muncul. Walaupun penulis sedar bahawa bagi sesetengah pihak kesan negatif kemelesetan tidak tamat dengan pemulihan ekonomi pada penghujung 1933 tetapi berlanjutan sehingga penghujung 1930an namun kajian ini lebih tertumpu kepada kesan-kesan segera sahaja.

Kajian ini bertumpu kepada NMB kerana beberapa sebab. Pertama, negeri-negeri ini adalah lebih kaya dari segi sumber semulajadi berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu dan di sini juga Britain mempunyai kepentingan ekonomi yang besar. Satu pertiga daripada bijih timah dan getah dunia dikeluarkan oleh Tanah Melayu dan 90% daripadanya oleh NMB. Malah penubuhan NMB pada 1896, antara

⁴⁵ Lihat artikel Badriyah Salleh, "Dari Komuniti Etnik Kepada Satu Bangsa?" *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* Jilid 5, Oktober 1998. ms. 1 – 21. Lihat juga artikel Charles Hirschman, "The Meaning and Measurement of Ethnicity in Malaysia: An Analysis of Census Classifications." *The Journal of Asian Studies* Jilid 46, No. 3 August 1987 ms. 563

lainnya bertujuan memperkuat kedudukan kepentingan ekonomi British di negeri-negeri tersebut.⁴⁶ Jelas sekali NMB merupakan jajahan yang penting bagi Britain. Kedua, kesan-kesan kemelesetan didapati lebih ketara di NMB kerana penduduknya terlibat secara giat dalam pengeluaran komoditi untuk eksport. Sejak 1870-an pengeluaran timah⁴⁷ dan kemudian getah⁴⁸ telah dipertingkatkan untuk memenuhi permintaan dunia. Apabila bermulanya krisis kemelesetan ekonomi, NMB juga merupakan negeri-negeri yang mengalami kesan yang lebih parah berbanding negeri-negeri lain di semenanjung. Ketiga, di NMB terdapat penduduk luar bandar dan bandar⁴⁹ yang terdiri daripada orang Melayu bumiputera dan kaum imigran Cina dan India yang merupakan majoriti, yang bekerja sebagai buruh dalam industri timah dan getah dengan kesemuanya terjejas teruk akibat kemelesetan di sepanjang 1930-an.

Tinjauan Kajian

Kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan hampir semua negara dan kini terdapat berbagai tulisan berhubung perkara ini yang merujuk sama ada kepada Amerika Syarikat, Eropah, Afrika mahupun Asia. Walaupun negara-negara yang terjejas ini mengalami kesan yang berbeda-beda, masih terdapat banyak persamaan di antara mereka. Koleksi esei suntingan Ian Brown⁵⁰ yang berjudul *The Economies of Africa and Asia in the Inter-war Depression* mengandungi 12 artikel mengenai kesan

⁴⁶ Sila lihat Rupert Emerson (1970) *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press.

⁴⁷ Untuk perkembangan industri timah di Tanah Melayu, sila lihat Wong Lin Ken *The Malayan Tin Industry to 1914* dan Yip Yat Hoong, *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*.

⁴⁸ Untuk perkembangan industri getah sila lihat dua buah buku oleh J.H. Drabble, *Rubber in Malaya 1876 – 1922* dan *Malayan Rubber: The Interwar Years*. P.T. Bauer, *The Rubber Industry: A study in Competition and Monopoly*, London, Longmans, Green and Co. 1947. Juga Lim Teck Ghee (1977) *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874 – 1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

⁴⁹ Untuk tujuan kajian ini penduduk luar bandar merujuk kepada mereka yang terlibat dalam penanaman getah, padi dan perlombongan bijih timah. Penduduk bandar pula merujuk kepada mereka yang tinggal di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping dan Seremban yang merupakan pusat-pusat pentadbiran, perniagaan dan perdagangan.

kemelesetan terhadap beberapa kawasan di Afrika dan Asia termasuk 2 yang merujuk kepada Filipina yang disumbang oleh Norman G. Owen⁵¹ dan Ian Brown⁵² sendiri. Satu lagi kumpulan esei suntingan Peter Boomgaard dan Ian Brown⁵³ berjudul *Weathering the Storm: The Economies of Southeast Asia in the 1930s Depression*. Buku ini mengandungi 14 kajian tentang kesan kemelesetan ekonomi dunia ke atas ekonomi setempat serta aspek-aspek sosial yang berkaitan di Asia Tenggara yang disumbang oleh pengkaji Barat mahupun Asia seperti Daniel F. Doeppers dan W.G. Wolters yang memberi perhatian kepada Filipina,⁵⁴ William O'Malley, Nawiyanto, Peter Boomgaard, Thomas Lindblad, dan Jeroen Touwen ke semuanya menumpu kepada Hindia Timur Belanda,⁵⁵ Irene Norlund⁵⁶ dan Pierre Brocheux⁵⁷ pula kepada Indochina, Sompop Manarungsan⁵⁸ tentang Thailand dan Ian Brown⁵⁹

⁵⁰ Ian Brown (1989) *The Economies of Africa and Asia in the Inter-War Depression*, edited by Brown, London, Routledge.

⁵¹ Lihat artikel Norman G. Owen, "Subsistence in the Slump: Agricultural Adjustment in the Provincial Philippines", dalam *The Economies of Africa and Asia in the Inter-war Depression*, ms. 95-114.

⁵² Lihat artikel Ian Brown, "Some Comments on Industrialisation in the Philippines during the 1930s", dalam *The Economies of Africa and Asia in the Inter-War Depression*, ms. 203-220.

⁵³ Peter Boomgaard dan Ian Brown (2000) *Weathering The Storm: The Economies of Southeast Asia in the 1930s Depression*, edited by Boomgaard and Brown, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.

⁵⁴ Sila lihat artikel Daniel Doeppers, "The Philippines in the Great Depression: A Geography of Pain" dan W.G. Wolters, "Uneven Impact and Regional Responses: The Philippines in the 1930s Depression", dalam *Weathering the Storm*. Satu lagi rencana Daniel Doeppers iaitu 'Metropolitan Manila in the Great Depression: Crisis for Whom?' diterbitkan dalam *Journal of Asian Studies*, 50, no. 3, Ogos 1991 ms. 511-535.

⁵⁵ Peter Boomgaard, "Surviving the Slump: Developments in Real Income During the Depression of the 1930s in Indonesia, particularly Java" ms. 23-52, J. Thomas Lindblad, "Structural Origins of the Economic Depression in Indonesia during the 1930s", ms. 123-142, Jeroen Touwen, "Entrepreneurial Strategies in Indigenous Export Agriculture in the Outer Islands of Colonial Indonesia, 1925-38", ms. 143-170 dan S. Nawiyanto, "The Economy of Besuki in the 1930s Depression" semuanya dalam *Weathering the Storm*. Juga lihat John Ingleson, "Urban Java during the Depression", *Journal of Southeast Asian Studies*, Jilid XIX, 2, September 1988 ms. 292-309. William Joseph O'Malley, "Indonesia in the Great Depression: A Study of East Sumatra and Jogjakarta in the 1930s." Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Cornell University, 1977.

⁵⁶ Lihat Irene Norlund, "Rice and the Colonial Lobby: The Economic Crisis in French Indo-China in the 1920s and 1930s", dalam *Weathering the Storm*, ms. 198-226

⁵⁷ Lihat Pierre Brocheux, "The State and the 1930s Depression in French Indo-China", dalam *Weathering the Storm* ms. 251-270.

⁵⁸ Lihat Sompop Manarungsan, "The Rice Economy of Thailand", dalam *Weathering the Storm* ms. 189-197.

⁵⁹ Lihat Ian Brown, "Material Conditions in Rural Lower Burma during the Economic Crisis of the early 1930s: What the Cotton Textile Import Figures Reveal", ms. 109-120 dan "The Economies of Southeast Asia in the 1930s Depression: An Introduction", ms. 1-19 ditulis bersama Peter Boomgaard dalam *Weathering the Storm*. Juga lihat, Ian Brown, "Rural Distress in Southeast Asia during the

kepada Burma dan Asia Tenggara. Seorang lagi sarjana yang mengkaji kemelesetan ekonomi ialah John Ingleson⁶⁰ yang mengkhusus tentang Hindia Timur Belanda. Kajian-kajian ini, sama ada yang bersifat mikro mahupun makro, cuba menjelaskan keadaan ekonomi dan masyarakat di beberapa negara di Asia Tenggara pada 1930-an, tahap penderitaan yang dialami rakyat tempatan serta bagaimana mereka menghadapi cabaran-cabaran kemelesetan. Dapatan daripada kajian-kajian ini menunjukkan banyak persamaan dan juga perbezaan dengan persekitaraan ekonomi dan sosial di NMB.

Sehingga kini kajian mengenai kemelesetan di Tanah Melayu amat berkurangan dan amat menghairankan mengapa perkara ini gagal mendapat perhatian sewajarnya daripada ahli-ahli sejarah khususnya dari Malaysia. Antara mereka yang telah mengkaji secara langsung termasuk Ong Chin Boo, Khoo Kay Kim, Azmi Khalid, P.T.Bauer, Lee Kam Hing dan Paul Krastoska.

Ong Chin Boo merupakan orang pertama mengkaji subjek ini melalui satu latihan ilmiah.⁶¹ Kajian beliau yang merupakan sejarah ekonomi merangkumi aspek-aspek kejatuhan harga komoditi utama eksport Tanah Melayu, sekatan ke atas pengeluaran timah dan getah serta sekatan ke atas kemasukan imigran baru ke dalam Tanah Melayu. Kajian Khoo Kay Kim⁶² yang bersifat sepintas lalu, telah membincangkan beberapa isu berkaitan kesan kemelesetan seperti pergantungan Tanah Melayu yang keterlaluan ke atas pasaran antarabangsa untuk komoditi utama yang turut menjejaskan ekonominya, kesan kemelesetan ke atas kaum buruh dan bagaimana kerajaan kolonial serta masyarakat NMB yang berbilang bangsa

World Depression of the early 1930s: A Preliminary Reexamination", *Journal of Southeast Asian Studies*, Jilid 45 No.5, November 1986.

⁶⁰ John Ingleson, "Urban Java during the Depression", *Journal of Southeast Asian Studies*, Jilid XIX, No.2, September 1988. ms.292-309.

menghadapi krisis ini. Walaupun ringkas dan umum, kajian ini memberi satu gambaran awal tentang keadaan di zaman kemelesetan. Profesor Khoo mengakui bahawa isu kemelesetan di Tanah Melayu tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari kalangan ahli sejarah tempatan khususnya dan beliau mencadangkan peristiwa ini dikaji dengan lebih mendalam.

Beberapa orang pengkaji lain turut menyumbang artikel berhubung aspek-aspek tertentu kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu seperti P.T. Bauer⁶³ yang antara lain, membincangkan peranan serta kepentingan industri getah kepada Tanah Melayu, bagaimana kejatuhan harga getah memberi kesan kepada pendapatan Tanah Melayu, kejatuhan gaji pekerja ladang serta repatriasi buruh asing yang menganggur. Beliau juga turut menghuraikan mengapa di tahun-tahun sebelum kemelesetan orang Melayu bertukar daripada menanam padi kepada menanam getah. Bauer juga telah menyentuh tentang kebergantungan NMB yang keterlaluan ke atas negara asing untuk keperluan barangan di samping peningkatan jenayah semasa berlakunya kemelesetan. Namun artikel yang ringkas ini langsung tidak membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh buruh ladang yang menganggur atau tindak balas mereka terhadap krisis ekonomi ini.

Azmi Khalid turut menyumbang 2 artikel. Artikel pertama⁶⁴ menolak kesimpulan Ian Brown berhubung kesan kemelesetan ke atas kawasan luar bandar Asia Tenggara, yang menurut Azmi berbeda dengan yang terdapat di Tanah Melayu.

⁶¹ Ong Chin Boo (1958) "A Short Study of the Malayan Depression, 1929-1934," An Academic Exercise Presented for the Degree of Honours in History, Department of History, University of Malaya, Singapore.

⁶² Khoo Kay Kim, op. cit., ms. 79 -94

⁶³ P.T Bauer, "Some Aspects of the Malayan Rubber Slump 1929 - 1933" *Economica*, November 1944 p.190-198.

⁶⁴ A Azmi Khalid, "Reassessing Malaya During the Depression: A Response to Brown", *Sarjana*, Jilid 4 Jun 1989 ms. 149-154.

Dalam artikel keduanya,⁶⁵ Azmi ada membicarakan peranan kuli Cina dalam industri bijih timah, masalah pengangguran dan repatriasi kuli Cina tetapi tidak membicarakan bagaimana kuli-kuli lombong yang masih berada di Perak menghadapi krisis ini.

Sementara itu Lee Kam Hing⁶⁶ juga memberi perhatian kepada Perak dengan membicarakan perubahan penting dari segi sosio-ekonomi di zaman antara perang. Isu-isu yang dibincangkan termasuk peningkatan pesat penduduk imigran dalam industri bijih timah dan getah serta kejatuhan harga komoditi dan implikasinya ke atas negeri itu. Namun Lee juga tidak membicarakan tindak balas masyarakat setempat terhadap krisis ini. Tulisan Paul Krastoska⁶⁷ pula membicarakan cubaan kerajaan British untuk menggalakkan penyatuan dalam dasar perdagangan untuk tanah-tanah jajahannya sebagai langkah untuk menangani kemelesetan di samping usaha kerajaan kolonial di Tanah Melayu mendapatkan lebih banyak kuasa dalam mengendalikan hal-ehwal ekonomi tempatan. Soal berkaitan pengeluaran padi dan masalah buruh imigran turut dibincangkan. Namun kajian ini tidak pula membicarakan bagaimana mereka yang terjejas oleh kemelesetan ekonomi menangani masalah yang dihadapi.

Selain kajian-kajian yang menumpu secara khusus kepada kemelesetan ekonomi, terdapat beberapa orang pengkaji yang turut menyentuh kemelesetan walaupun tumpuan mereka ialah kepada aspek-aspek lain sejarah ekonomi Tanah Melayu. J.H.Drabble⁶⁸ dan P.T. Bauer⁶⁹ umpamanya, telah membicarakan secara

⁶⁵ A Azmi Khalid, "The Social Organisation of the Mining Industry during the Depression 1929-1933 in Malaya". *JMBRAS* Jilid LXV Part 11 1992, ms. 85-98.

⁶⁶ Lee Kam Hing, op. cit., ms.1 -54

⁶⁷ Paul H. Krastoska, "Imperial Unity Versus Local Autonomy: British Malaya and the Depression of the 1930s" dalam *Weathering the Storm* ms. 271-294.

⁶⁸ John H. Drabble (1991), *Malayan Rubber: The Inter-War Years*, Macmillan Academic and Professional Ltd. London.

⁶⁹ P.T. Bauer (1947) *The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly*, London, Longmans, Green and Co.

terperinci tentang pertumbuhan industri getah, peranan pekebun kecil dan sumbangan mereka terhadap perkembangan ekonomi Tanah Melayu.

Seorang lagi yang telah banyak menyumbang kepada sejarah sosioekonomi Tanah Melayu ialah Lim Teck Ghee.⁷⁰ Ketika menulis tentang ekonomi pertanian di kalangan kaum petani di zaman kolonial Lim turut membincangkan secara terperinci perkembangan penanaman padi, getah dan kelapa, kenaikan serta kejatuhan harga komoditi dan bagaimana ini menjejaskan ekonomi serta kebajikan kaum petani. Lim juga telah memberi satu gambaran yang jelas bagaimana petani diserapkan ke dalam ekonomi antarabangsa sebelum kemelesetan di samping masalah-masalah yang mereka hadapi di zaman kemelesetan. Meskipun kajian Lim merupakan satu kajian sosioekonomi dan meliputi tempoh 1874 – 1941, ianya turut membincangkan secara terperinci aspek-aspek pertanian sebelum, semasa dan selepas kemelesetan walaupun beliau tidak menyentuh bagaimana petani menangani kemelesetan.

Loh Kok Wah⁷¹ yang menumpu kepada negeri Perak telah membincangkan isu kuli lombong dan kewujudan setinggan, aktiviti penanaman sayur serta pembukaan kampung baru Cina di lembah Kinta. Kajian yang merangkumi satu tempoh yang panjang ini merupakan kajian pertama yang memberi perhatian kepada kuli-kuli lombong di Kinta yang menganggur dan bagaimana mereka bertindak balas terhadap kemelesetan dengan menceburi bidang baru seperti penanaman sayur dan aktiviti ekonomi yang lain.

Terdapat beberapa kajian lain yang turut membincangkan perkembangan industri timah yang juga menyentuh zaman kemelesetan. Kajian Yip Yat Hoong⁷²

⁷⁰ Lim Teck Ghee (1977), *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur, Oxford University Press.

⁷¹ Francis Loh Kok Wah (1988) *Beyond the Tin Mines: Coolies, Squatters and New Villagers in the Kinta Valley, Malaysia 1880-1980*, Singapore, Oxford University Press.

mengupas secara terperinci perkembangan industri timah di Tanah Melayu, bagaimana industri ini diglobalisasikan, pasang surut harga timah di pasaran antarabangsa dan keadaan industri ini semasa dan selepas kemelesetan.

Lim Chong Yah⁷³ pula membincangkan pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu di antara 1874 sehingga 1963 yang meliputi industri timah, getah, padi serta aspek-aspek ekonomi yang lain. Kajian ini amat berguna untuk memahami sejarah ekonomi Tanah Melayu tetapi perbincangan beliau mengenai kemelesetan didapati terhad kepada keadaan ekonomi yang merudum akibat kejatuhan harga komoditi utama Tanah Melayu.

Setakat ini tulisan-tulisan mengenai kemelesetan di Tanah Melayu hanya tertumpu kepada aspek-aspek seperti kejatuhan harga getah dan timah di pasaran antarabangsa, pengangguran di dalam kedua-dua industri ini serta kejatuhan hasil pendapatan Tanah Melayu. Masih terdapat aspek-aspek lain yang tidak kurang pentingnya yang masih belum dikaji sepenuhnya seperti pemberhentian kerja dalam perkhidmatan kerajaan, masalah-masalah yang dihadapi rakyat setempat semasa kemelesetan dan bagaimana mereka yang terjejas menghadapinya. Sementara itu masalah sosial yang timbul di zaman ini seperti kadar jenayah yang meningkat, pelacuran, gejala membunuh diri dan isu perkauman masih belum lagi dikaji. Zaman kemelesetan telah menimbulkan berbagai cabaran kepada penduduk NMB dan diharapkan kajian ini akan dapat mengisi kekosongan yang masih ada dalam sejarah sosioekonomi Malaysia.

Kemelesetan telah menimbulkan berbagai cabaran kepada penduduk NMB berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu mahupun negara-negara lain di Asia Tenggara. Terdapat 4 sebab utama mengapa NMB terjejas teruk. Pertama, struktur

⁷³ Lim Chong Yah, (1969) *Economic Development of Modern Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.